



#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

35
Hari

07
Jam

12
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

MINDA PEMBACA

KOMENTAR

AGAMA

SASTERA

KOLUMNIS

LAIN-LAIN (RENCANA)

Masjid al-Umm sasar jadi hab ilmu, intelektual



Oleh [Latifah Arifin](#) - Februari 22, 2019 @ 7:30am

latifah@bh.com.my

Masjid al-Umm sasar jadi hab ilmu, intelektual



BANGI: Usia Masjid al-Umm masih setahun jagung, namun ia menjadi saksi sejarah kepada pembangunan bandar itu sejak dibuka sebagai kawasan penempatan baharu pada 1975.

Ia pernah menjadi surau pertama apabila didirikan di rumah disebabkan belum ada masjid yang dibangunkan ketika itu untuk kegunaan jemaah setempat.

Hanya selepas Bandar Baru Bangi melewati usia 40 tahun, barulah proses pembinaan Masjid al-Umm bermula dan digunakan secara rasmi pada 16 Disember 2017.

Nazir Masjid Al-Umm, Dr Shafie Abu Bakar ketika ditemui Ibrah berkata, pembangunan masjid itu agak lewat kerana tiada keperluan mendesak hingga penduduk di bandar itu semakin padat.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 7m ○ [Peluang terakhir buat Kuantan FA, Marcerra United](#)
- 12m ○ [Didenda RM8,000 sebar gambar lucah melalui WhatsApp](#)
- 16m ○ [DENSO labur RM160 juta tingkat kapasiti di Selangor](#)
- 17m ○ [Bestinet nafi sistem gagal lindungi kebajikan pekerja asing](#)
- 22m ○ [Agihan kerusi PRU-15 UMNO, PAS sedang dimuktamadkan](#)
- 22m ○ [55,000 guru terima vaksin sebelum sekolah dibuka](#)
- 27m ○ [Pemandu lori digantung sampai mati kerana edar methamphetamine](#)
- 31m ○ [Perodua D55L akan dilancar 3 Mac ini](#)

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Operasi khas kesan penjualan ikan karnivor](#)
- [Perintah 'berkurung' PKPD bakal](#)

diperluaskan

- **'Badan naik sebab ubat'**
- **Sultan Nazrin rasmi Masjid Al-Mursyidin, UPSI**

"Sebelum ini, penduduk menunaikan solat Jumaat di Masjid al-Hasanah dan Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), selain lebih 10 surau Jumaat di sekitarnya.

"Perkara ini berlanjutan hingga apabila kawasan ini bertambah maju dan penduduk melebihi 100,000 warga, sekali gus kami merasakan Surau al-Umm agak ketinggalan dan perlu didirikan masjid," katanya.



Konsep seni binanya dipenuhi bentuk semi bulat. - NSTP/Sairien Nafis

Mengulas reka bentuk dan estetika Masjid al-Umm, Shafie berkata, perkara itu ditonjolkan secara menyeluruh daripada bahagian luar masjid hingga dekorasi dalaman.

"Bentuk bangunan banyak menggunakan konsep bulatan kerana ia menggambarkan kesempurnaan.

"Simboliknya, ia menggambarkan kesempurnaan menjadi hak Allah SWT, justeru kami menggunakan elemen sempurna bagi mendekati yang Maha Sempurna.

"Ia dapat dilihat pada kubah, batang menara dan sebahagian besar tiang masjid, manakala bentuk semi bulat ditonjolkan dalam rekaan mihrab, rangka pintu kecil serta pintu untuk melambangkan tunduk, lembut dan tenang dalam menghadap Allah SWT," katanya.

Beliau berkata, unsur kebersamaan turut menjadi elemen utama dalam rekaan masjid itu kerana binaannya seolah-olah dibelah dua dengan bahagian kiri dan kanan diisi dengan kemudahan berpasang-pasangan.

"Sebagai contoh, jika jemaah memasuki masjid daripada pintu tengah atau utama, mereka akan lihat terdapat dua ruangan khas di sebelah kiri dan kanan.




VAKSIN



NASIONAL 23 minit yang lepas

55,000 guru terima vaksin sebelum sekolah dibuka



NASIONAL sejam yang lepas

Pemandu jadi petugas barisan hadapan pertama terima vaksin



NASIONAL sejam yang lepas

Vaksin COVID-19 tiba di Alor Setar

FOTO 2 jam yang lepas

Pelancaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan



NASIONAL 3 jam yang lepas

Muhyiddin terima suntikan pertama vaksin COVID-19



NASIONAL 3 jam yang lepas

Hari ini langkah permulaan tamatkan jangkitan COVID-19 - Dr Noor Hisham



TRENDING



KES 27 minit yang lepas

Pemandu lori digantung sampai mati kerana edar methamphetamine




NASIONAL 3 jam yang lepas

Muhyiddin terima suntikan pertama vaksin COVID-19




KES 4 jam yang lepas

Peniaga air tebu hadapi 55 tuduhan sumbang mahram, 9 kes rogol



KES 4 jam yang lepas

Menangis dipenjara 3 hari, denda RM30,000



Ruang solat utama di Masjid Al-Umm. - NSTP/Sairien Nafis

“Bagi ruangan sayap kanan masjid, terdapat serambi atau koridor yang sesuai untuk dijadikan tempat solat, berehat dan kelas agama.

“Begitu juga kemudahan sama terdapat di sayap kiri dan dibuat cukup teliti hingga tidak ada beza langsung di antara kedua-dua ruang sayap ini,” katanya.


Menerangkan aspek pengimarahannya, selain menekankan fungsinya sebagai pusat ibadat, ia turut dikenali sebagai masjid yang menjadi pemangkin kepada kegiatan keilmuan dan kemasyarakatan.

“Selari dengan Bandar Baru Bangi yang dikenali sebagai bandar ilmu, Masjid al-Umm mememanfaatkannya untuk tujuan berkenaan.

“Selain kuliah agama setiap malam, di sayap kiri masjid turut menempatkan kelas al-Quran, halaqah pengajaran pelbagai bidang keilmuan termasuk hadis, tafsir, akidah, fiqh, tasawuf, sirah, dakwah dan tajwid,” katanya.

Justeru katanya, Masjid Al-Umm disasarkan untuk menjadi hab ilmu dan rujukan kepada pelbagai kegiatan bersifat intelektual termasuk menerusi penganjuran seminar membabitkan ahli akademik dengan tema umum dan agama.

Shafie berkata, kos keseluruhan pembinaan masjid masih belum dilangsaikan sepenuhnya dan orang ramai yang ingin menyumbang boleh menyalurkannya ke akaun Jawatankuasa Pembinaan Masjid Al-Umm di 562834607208 (Maybank).



Tempat mengambil wuduk di Masjid Al-Umm, Bandar Baru Bangi. - NSTP/Sairien Nafis





Ruangan mainan kanak-kanak di Masjid Al-Umm. - NSTP/Sairien Nafis

INFO

- Seni bina Masjid al-Umm menjadi simbolik kepada kesempurnaan Allah SWT.
- Antara kemudahan terdapat di masjid tiga tingkat ini termasuk dewan seminar, bilik kuliah, bilik mesyuarat, bilik teknologi maklumat dan perpustakaan.
- Terdapat 23 surau bernaung di bawahnya.

BERITA BERKAITAN



AGAMA Feb 10, 2019 @ 3:56pm
Foto lama dedah aurat tetap haram dipamerkan



SELERA Sep 15, 2019 @ 11:01am
Nikmati nasi kenduri dalam talam



NASIONAL Jan 17, 2017 @ 12:18pm
Sultan Nazrin lancar buku 'Charting the Economy'



SELERA Nov 17, 2019 @ 10:00am
Sajian daun pisang legasi keluarga Melayu

Disyorkan untuk anda

Stay Safe, Stay Home 



Rumah banglo cantik untuk di jual segera

Johor mudahpropertymy

[SEE DETAILS](#)

Sell your car in 24 hours, instant payment, no paperwork.

Stay at home and we'll do the rest... Carsome Malaysia

[Book Now](#)

Neuropathy (Nerve Pain)? Do This Immediately (Watch)

Health Headlines 360

[Watch More](#)

Don't Do E-commerce. This Expert Explains Why.

Ace Success Academy

[Learn More](#)



People Who Wore The Wrong T-Shirt At The Right Time

TooCool2BeTrue



Doctor: If You Have Tinnitus (Ear Ringing) Do This Immediately!

healthsvip



Relieve bad breath! Take care of your bad breath from within!

BEAUTY SHOP JAPAN

[Learn More](#)



'Iron Man'-Inspired 'Razor House' Sells for \$20.8 Million

Mansion Global



IKUTI KAMI DI:



BERITA

[BHPLUS](#)

[Nasional](#)

[Kes](#)

[Politik](#)

[Pendidikan](#)

[Wilayah](#)

SUKAN

[DUNIA](#)

[HIBURAN](#)

[BISNES](#)

[RENCANA](#)

[WANITA](#)

[HUJUNG MINGGU](#)

MULTIMEDIA

[Foto](#)

[BHTV](#)

[Infografik](#)

LANGGAN

[Akhbar Digital](#)

[Akhbar BH](#)

PERKHIDMATAN

[Iklan Web](#)

[1Klassifieds](#)

[NSTP KLik](#)